

Kabinet peraku maklum balas PM isu Kuan Yew

PUTRAJAYA 4 Okt. - Kabinet hari ini memperakukan maklum balas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung surat penjelasan yang dihantar oleh Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew mengenai dakwaan masyarakat Cina di Malaysia dan Indonesia dipinggirkan secara sistematik.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad berkata, Kabinet bagaimanapun tidak membincangkan secara mendalam isu itu,

"Kita tidak bincangkan secara mendalam, cuma maklum balas Perdana Menteri yang dibincangkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca kabinet kementeriannya di sini.

Dalam surat yang disiarkan oleh akhbar semalam, Kuan Yew meminta maaf kerana kenyataannya itu telah menyebabkan ketidakselesaan kepada Perdana Menteri.

Sehubungan itu, Abdullah mengingatkan bekas Perdana Menteri Singapura itu supaya jangan mengulangi kenyataannya yang boleh menghasut rakyat Malaysia.

Komen Kuan Yew itu mendapat bantahan Malaysia dan Indonesia.